

Analisis Melodi dan Seni Kata Lagu Terbaik Industri Muzik Malaysia, Indonesia dan Singapura tahun 2013

Analysis of the Melody and Lyrics of the Best Songs from Malaysia, Indonesia and Singapore in 2013

Mohd Azam bin Sulong

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
e-mail: azamdungun@fmsp.upsi.edu.my

Abstrak

Tujuan artikel ini ialah untuk menganalisis melodi dan seni kata lagu yang terdapat dalam lagu terbaik dari negara Malaysia, Indonesia dan Singapura pada tahun 2013. Lagu-lagu yang dipilih ini merupakan lagu-lagu yang telah dianugerahkan ‘Lagu Terbaik’ dari negara masing-masing. Di Malaysia anugerah yang berprestij antaranya ialah (a) Malaysia—Anugerah Industri Muzik (AIM); (b) Indonesia—Anugerah Indonesia Muzik (AMI); dan (c) Singapura—Anugerah Planet Music (APM). Lagu-lagu yang memenangi anugerah ialah *Lelaki* oleh Yuna (AIM, 2013), *Haruskah Terpisah* oleh Cakra Khan (AMI, 2013) dan *Jangan Ganggu Pacarku* oleh Alif Aziz (APM, 2013). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis melodi dan seni kata lagu. Walaubagaimanapun pendekatan kuantitatif juga digunakan sebagai data sokongan. Lagu-lagu yang dipilih dianalisis dan dibincangkan dari sudut teori muzikologi dalam penciptaan melodi dan teori stilistik mengenai gaya bahasa seni kata lagu. Hasilnya, lagu-lagu tersebut menggunakan stail perulangan, meter 4/4, jeda yang dominan adalah major ke-2, renj melebihi satu oktaf, *hook*, unsur-unsur bunyi aliterasi dan asonansi, penggunaan gaya anadiplosis, eroteis, parallelism, sinisme, sarkasme, antithesis, paradoks dan anapora.

Kata kunci analisis melodi, muzik popular, Anugerah Industri Muzik Malaysia, Anugerah Planet Muzik, Anugerah Muzik Indonesia.

Abstract

The purpose of this article is to analyse the melody and lyrics of the best songs from Malaysia, Indonesia and Singapore in 2013. The selected songs were among those that received the ‘Best Song Award’ from their respective countries, (a) Malaysia—Anugerah Industri Muzik (AIM); (b) Indonesia—Indonesia Music Awards (AMI); and (c) Singapore—Planet Music Awards (APM). The songs are *Lelaki* sung by Yuna (AIM, 2013), *Harus Terpisah* by Cakra Khan (AMI, 2013) and *Jangan Ganggu Pacarku* by Alif Aziz (APM, 2013). This study used a qualitative approach toward content analysis. Where as, quantitative approaches were used to support data. The chosen songs were analysed and discussed from the theoretical point of musicology in theory, the creation of melodies and stylistic in lyrics.

As a result, the styles of the songs used repetition, style singing with syllabic and melismatic, 4/4 meter, dominant interval of major 2nd, ranges include more than an octave, hooks, elements of alliteration and assonance sounds, the use of style anadiplosis, erotesis, parallelism, cynicism, sarcasm, antithesis, paradox and anaphora.

Keywords melodic analysis, popular music, Malaysia Music Industry Award, Indonesia Music Industry Award, Planet Music Award.

PENGENALAN

Boleh dikatakan industri muzik setiap negara telah mewujudkan anugerah-anugerah berprestij untuk diberikan kepada penyanyi dan karyawan pada setiap tahun. Antaranya adalah anugerah lagu terbaik. Di Malaysia anugerah yang sangat dominan dengan industri muzik adalah Anugerah Industri Muzik Malaysia (AIM) manakala di Singapura pula adalah Anugerah Planet Muzik (AIM) dan negara Indonesia adalah dikenali dengan Anugerah Muzik Indonesia (AMI). Anugerah ini tertumpu kepada lagu-lagu yang popular. Lagu popular adalah sejenis muzik yang diciptakan dengan seni kata. Tanpa seni kata lagu popular tidak membawa sebarang erti. Begitu juga kata-kata yang ditulis tanpa dipadankan dengan melodi tidak ada beza dengan sebuah sajak. Ia berbeza dengan muzik seriosa yang perasaannya dijelma dan ditimbulkan oleh nada dan harmoni dalam setiap instrumen dalam muzik tersebut (Peterik et al, 2002). Seni kata lagu menjadi isi kepada rangka karyanya iaitu melodi lagu itu sendiri. Muzik itu sendiri membawa berbagai-bagai perasaan walaupun gambarannya tidak begitu ketara. Umpamanya dalam lagu yang menggunakan tanda nada minor, perasaan yang dibawanya adalah muram (Lydon, 2004).

LATAR BELAKANG DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Lagu terbaik dalam konteks kajian ini adalah lagu yang dianugerahkan menerusi anugerah yang berprestij daripada negara Malaysia, Indonesia dan Singapura. Oleh itu, sifat ingin tahu berkaitan aspek-aspek yang ada di dalam sesebuah lagu terbaik perlu dikupas dengan mendalam. Kurangnya kajian yang mendalam dilakukan oleh pengkajian dalam memeprijelaskan aspek-aspek estetika dalam lagu-lagu terbaik, sedangkan lagu-lagu ini mampu mendominasi industri muzik di negara masing-masing. Pemilihan lagu terbaik ini dibuat oleh juri-juri yang arif dan berpengalaman dalam bidang masing-masing. Pemilihan lagu terbaik ini sudah pasti mempunyai sesuatu nilai estetik yang tinggi pada pandangan mereka secara kolektifnya. Salah satu kajian yang boleh dijalankan adalah dengan menganalisis aspek-aspek melodi dan gaya bahasa dalam karya-karya tersebut.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti aspek-aspek melodি yang terdapat dalam lagu-lagu terbaik dari ketiga-tiga negara tersebut.
2. Mengenal pasti gaya bahasa yang digunakan dalam seni kata lagu-lagu terbaik dari ketiga-tiga negara tersebut

Oleh itu kajian ini adalah ingin menjawab dua soalan kajian iaitu:

1. Apakah aspek-aspek melodи yang terdapat dalam lagu-lagu terbaik dari ketiga-tiga negara tersebut?
2. Apakah gaya bahasa yang digunakan dalam seni kata lagu-lagu terbaik dari ketiga-tiga negara tersebut?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah analisis kandungan digunakan di dalam dua iaitu (1) analisis kandungan terhadap melodи lagu dan (2) analisis kandungan terhadap teks iaitu seni kata lagu. Teori muzikologi (Shurman, 1994) dan teori stilistik (Tarigan, 2009) menjadi landasan di dalam menganalisa data dan data ini dizahirkan melalui deskriptif kualitatif-interpretatif. Ini perlu kerana setiap karya cipta yang diterima ramai pasti ada nilai-nilai keindahannya. Pendekatan kuantitatif digunakan sebagai data sokongan bagi memperjelaskan kekerapan jeda di dalam melodи lagu yang dikaji.

Lagu-lagu yang dikenal pasti diulang dengar secara analitikal bagi tujuan mengenalpasti aspek-aspek melodinya dan seni katanya. Lagu-lagu ini dipindahkan dari bentuk audio ke skor melodи dalam bentuk notasi muzik yang standard bagi tujuan deskriptif. Perisian notasi muzik *Sibelius 7* digunakan bagi penyediaan skor melodи Notasi muzik standard. Walaupun menggunakan perisian *Sibelius 7*, penyelidik perlu menyalin dengan teliti apa yang didengar dari bentuk audio dan disalin semula ke dalam bentuk digital. Menurut Humberstone (2012), perisian *Sibelius 7* mampu menyalin nota-nota lagu ke dalam paparan, memainkan semula dengan aplikasi data MIDI, mengekspor dalam pelbagai format termasuk imej pegun dan mencetak. Melalui skor lagu yang telah terhasil nanti, beberapa aspek melodи akan dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif. Kekerapan dan keperatusan jeda yang digunakan di dalam setiap lagu akan dihitung bagi tujuan melihat aspek jeda yang mana mendominasi sesebuah lagu yang dikaji.

SUBJEK KAJIAN

Subjek kajian ialah lagu-lagu terbaik dari negara Malaysia, Indonesia dan Singapura untuk tahun 2013. Lagu ini dipilih berdasarkan lagu yang telahpun dinobatkan sebagai lagu terbaik dari negara masing-masing menerusi Anugerah Industri Muzik (AIM) dari Malaysia, Anugerah Planet Muzik (APM) dari Singapura dan Anugerah Muzik Indonesia (AMI) dari Indonesia. Lagu-lagu tersebut adalah lagu *Lelaki* nyanyian Yuna adalah lagu terbaik AIM, *Jangan Ganggu Pacarku* nyanyian Aliff Aziz ialah lagu terbaik APM dan *Harus Terpisah* yang dinyanyikan oleh Cakra Khan ialah lagu terbaik AMI. Pemilihan lagu-lagu tersebut ialah dipilih dan dinilai oleh pemuzik-pemuzik, seniman-seniman dan pengkarya-pengkarya yang hebat dan mempunyai pengalaman yang mendalam dalam bidang masing-masing daripada negara masing-masing. Sumber lagu-lagu ini diperoleh daripada *Youtube*.

TEORI MUZIKOLOGI DAN TEORI STILISTIK

Kajian ini menggunakan gabungan dua teori iaitu teori muzikologi dan teori stilistik. Teori muzikologi yang digunakan adalah janaan oleh Sturman (1994) dan teori stilistik pula oleh Tarigan (2009). Teori muzikologi oleh Shurman (1994) digunakan dalam penulisan kertas kerja ini bagi tujuan membuat analisis kandungan terhadap melodi lagu, iaitu aspek-aspek berikut iaitu (1) Renj dan tessitura, (2) Jeda, (3) Pergerakan Melodi, (4) Nada, Tempo dan Meter, dan (5) Stail. Teori stilistik oleh Tarigan (2009) memberikan empat perkara utama dalam menganalisa gaya bahasa iaitu (1) Gaya Bahasa Perbandingan, (2) Gaya Bahasa Pertentangan, (3) Gaya Bahasa Pertautan, dan (4) Gaya Bahasa Pengulangan.

Stilistik menurut Umar Junus (1989, hal. 2010) dan Ali Imron (2014, hal. 10) adalah ilmu tentang gaya. Gaya ialah cara menyatakan sesuatu yang lain daripada biasa tanpa kelainan makna. Gaya yang diguna dalam sesebuah karya menampakkan hasil yang tinggi nilainya kerana gaya biasanya dikaitkan dengan keindahan. Keindahan yang mempunyai gaya biasanya dikaitkan penggunaan teks walau bagaimanapun gaya boleh dinilai dalam pelbagai aspek seperti seni tampak, penciptaan lagu dan sebagainya. Gaya dalam penghasilkan karya-karya kreatif ada kalanya bersifat gaya peribadi yang menjadi *trademark* di mana kita dapat mengenali pengkaryanya melalui gaya karya tersebut. Umar Junus (2010) memberi khabar bahawa gaya biasanya ditemui berdasarkan kesan. Kesan yang terpalit kepada khalayak melalui karya-karya yang dikongsikan kepada khalayak. Butler (2008) menyatakan stilistik dalam penciptaan lagu adalah cara untuk mencipta atau menulis seni kata. Tarigan (1985) menyatakan gaya bahasa merupakan bentuk retorik iaitu penggunaan kata-kata dalam berbicara dan menulis untuk menyakinkan atau mempengaruhi khalayak (hal.5).

Suwardi Endraswara (2013) menyatakan bahawa analisis stilistik adalah bertujuan untuk mencari jawapan tentang makna dan fungsi. Makna dicari melalui penafsiran yang dikaitkan keseluruhan karya sedangkan fungsi pula adalah peranan gaya bahasa untuk membangun karya. Ianya menimbulkan kesan kepada

pengucapan. Pengkajian stilistik sememangnya mengungkap aspek-aspek estetik pembentukan kepuitan karya sastera. Ianya satu ilmu untuk mempelajari gaya bahasa. Menurut Ermi Adriani (2009) stilistik adalah berkaitan dengan stail ataupun gaya. Stail adalah merujuk kepada penggunaan bahasa dalam karya sastera termasuklah seni kata lagu. Mohd Azam Sulong (2013) menyatakan seni kata lagu pada asasnya adalah karya sastera berbentuk puisi yang mengutamakan unsur-unsur bunyi dan makna.

SOROTAN LITERATUR

Melodi adalah satu barisan susunan muzik secara horizontal lengkap yang dipanggil lagu. Walaupun mungkin terdapat banyak lapisan suara, hanya suara utama yang akan membentuk lagu, itu dikenali sebagai melodi, (Zollo, 1993, hal. 17). Cope (2009, hal. 94) pula memberi definisi melodi adalah satu urutan pic-pic secara monofoni dalam tempoh masa yang spesifik.

Menurut Mark dalam Mohd Hafiz Iskiak (2005) apabila mendengar sesebuah lagu, elemen yang pertama diterima oleh deria dengar antaranya ialah melodi. Melodi yang berunsur *monofoni* itu memainkan peranan penting dalam sesebuah lagu. Kecantikan sesebuah melodi mempengaruhi sesebuah lagu menjadi indah dan sedap didengari sesuai dengan haluket bahasa ‘melodi’ cepat dikemukakan sebagai suatu kriteria utama dalam usaha mengukur kualiti sesuatu karya muzik.

Mohd Hafiz Iskiak (2005) menyatakan melodi dalam sesebuah lagu didapati lebih dominan diterima oleh telinga pendengar berbanding elemen muzik lain yang terdapat sesebuah lagu. Hal ini dipengaruhi perasaan individu dan menyebabkan melodi tersebut dianalisis secara am untuk seseorang meletakkan imej lagu yang ‘melodis’ atau tidak. Bagi Josefs (1996) pula dalam menghasilkan sesebuah lagu yang baik, aspek muzikal yang terpenting adalah melodi, irama dan harmoni. Sesebuah lagu popular sudah pastinya mempunyai elemen tertentu yang menyebabkan ianya popular. Dieter Mark (1995) merumuskan muzik pop pada umumnya bersifat lebih sederhana, lebih melodis, lebih disandarisasi, lebih mudah dicerna, lebih komersial dan lebih ingin memuaskan orang dengan khayalan ekspresi positif dan indah. Menurut Sabirin Ismail dan Istiyono (1981) melodilah yang membuat wajah bunyi menjadi sangat menarik dan terus menerus berubah. Ia naik turun, melengkung-membelok, bergerak-berhenti, merembes-membanjir, menggebu, merintih, menjerit tiada putus-putusnya.

Menurut Yasraf Amir Piliang (2004), bahasa puitis menghasilkan nilai estetik yang baru. Bahasa puitis ini mampu memberikan kesan kepada makna dalam bentuk radikal khasnya dari segi tata bahasa. Dalam bentuknya yang paling radikal, bahasa puitis merupakan batu sandungan komunikasi pada masyarakat dan peradaban yang dibangunkan berlandaskan semangat kecintaan kepada nilai seni negara. Kary-karya dalam bentuk teks seperti seni kata lagu mempunyai gaya bahasa tertentu untuk mengukuhkan binaan struktur sesebuah karya, malah mesejnya akan menjadi lebih jelas (Maniyamin Ibrahim, 2006). Rahman Saari (1993) pula memberi gambaran bahawa setiap seseorang pengkarya mempunyai stail atau gaya untuk menyampaikan karyanya.

Suhardi Mukmin (2008) menyatakan analisis terhadap teks yang bertujuan untuk memahami karya yang dianalisis, sekarang makin berkembang dengan berbagai macam pendekatannya. Semua pendekatan dilakukan sebagai usaha merebut makna yang terkandung di dalam karya sastera tersebut serta menikmati keindahannya. Dalam menghasilkan karya-karya berbentuk teks seperti seni kata lagu, istilah *licentia poetica* iaitu kebebasan penyair atau penyimpangan puitis digunakan dalam penyimpangan tatabahasa. Walaupun begitu pengkarya tidak boleh sewenang-wenangnya menggunakan *licentia poetica* untuk melakukan penyimpangan tatabahasa yang sepatutnya (Rahman Saari, 1993).

Seni kata lagu merupakan garapan bahasa artifisial. Keraf (2005) memberi maksud bahasa artifisial adalah bahasa yang disusun secara berseni dan memberi makna yang luas. Dalam puisi atau prosa seni kata memang perlu ditampilkan bahasa yang indah dan bermakna. Dhanaraj dan Lagon (2005) menyatakan bahawa seni kata dianggap sebagai komponen yang sangat penting dalam menjanjikan sesebuah lagu itu menjadi *hit*.

Sebuah melodi tanpa seni kata ibarat sebuah perlawanan bola sepak yang hebat tetapi tanpa penonton, pengulas dan tidak dirakamkan. Ibarat memakan nasi hidangan kampung tanpa ikan kering, ulam-ulaman dan sambal belacan. Ibarat membelek akhbar dalam bahasa yang tidak difahami. Melodi bila bergabung dengan seni kata akan menghasilkan sebuah lagu. Muzik masih boleh berdiri sendiri tanpa mengharapkan sokongan seni kata. Dalam konteks muzik, ia disebut sebagai muzik instrumental. Namun, seni kata tidak mampu berdiri sendiri tanpa muzik. Ada ramai yang mengatakan “saya telah menghasilkan sebuah seni kata”. Namun, bila ditanya di mana melodinya, mereka menjawab masih belum ada. Jika masih belum ada melodi, penulisan seni kata itu tidak cukup syarat untuk diangkat sebagai sebuah seni kata. Ia hanya seuntai kata-kata yang bolehlah dianggap sebagai puisi cuma. Malah tidak keterlaluan jika saya katakan, seni kata boleh digolongkan dalam sebuah puisi popular. (Hairul Anuar Harun, 2013)

Dalam menghasilkan seni kata yang tinggi estetiknya, pengkarya iaitu penulis seni kata perlu menapis isi dan bahasa mengikut rangka kerja sama ada dalam bentuk nota lagu atau format-format tertentu agar penghasilan itu menepati kehendak sesebuah lagu. Davis (1985) dalam tulisannya menyatakan seni kata lagu bermaksud kata-kata yang disusun dan digunakan dalam nyanyian mempunyai seninya yang tersendiri sehingga diterima ramai. Dalam konteks lagu, teks yang dikenali sebagai seni kata bukannya puisi kerana lagu-lagu popular terbentuk melodi dahulu sebelum seni kata. Dengan kata lain, seni kata terbentuk dari melodi lagu. Ia berbeza dengan lagu-lagu genre lain seperti lagu puisi yang didasari dengan puisi-puisi atau sajak yang telah dicipta oleh penulis. Seni kata lagu menjadi rangka karyanya, iaitu irama atau melodi lagu itu sendiri. Meskipun melodi boleh membawa perasaan tetapi hendaklah kita faham bahawa melodi dengan sendirinya tidak membawa kisah sepenuhnya. Ia tidak menceritakan perasaan sedih itu dibawa oleh kehilangan kekasih atau sebaliknya. Di sinilah letaknya peranan seni kata dalam

lagu. Melalui seni kata, kita dapat menyalurkan unsur-unsur yang sihat atau sebaliknya untuk dijadikan bahan pembinaan masyarakat.

ASPEK MELODI LAGU

Berdasarkan teori muzikologi oleh Sturman (1994) aspek melodi lagu akan dianalisis kepada aspek-aspek berikut iaitu (1) Renj dan tessitura, (2) Jeda, (3) Pergerakan Melodi, (4) Nada, Tempo dan Meter, dan (5) Stail. Ketiga-tiga lagu yang diangkat sebagai lagu terbaik dari negara Malaysia, Singapura dan Indonesia melalui Anugerah Industri Muzik Malaysia (AIM), Anugerah Planet Muzik (APM) dan Anugerah Musik Indonesia (AMI) tahun 2013. Lagu-lagu tersebut mempunyai stail dan kekuatan tersendiri. Dalam jadual di bawah adalah gambaran dari segi aspek-aspek muzik yang digunakan dalam setiap lagu yang dipilih dalam artikel ini.

Jadual 1 Matrik analisis lagu

Elemen-Elemen/Tajuk Lagu	Lelaki	Jangan Ganggu Pacarku	Harus Terpisah
Meter	4/4	4/4	4/4
Tandanada	A Minor	B Major	Db Major, Eb Major
Tempo (krocet per minit)	118	125	70
Rentak	Variasi Mood	Riang	Ballad
Renj	G3 hingga E5	F#4 hingga F#5	Db4 hingga Bb5
Tessitura @ Purata Pic	D4	A#4	B4
Pic yang sering digunakan	E4= 110 kali D4= 91 kali A4= 53 kali	F#4= 125 kali C#5= 86 kali B4= 59 kali	Eb5= 57 kali Db5= 47 kali F5= 44 kali
Intro	Gitar Nylon/Ukelele	Gitar	Piano
Alat muzik yang dominan selain vokal.	Gitar Nylon	Gitar	Piano dan Strings
<i>Hook</i> dan <i>Catchy</i>	Lelaki	Berhentilah	<i>Hook</i> sukar dikenalpasti, lagu ini berkonsep khasnya dari segi teksnya.
Modulasi	Tiada	Tiada	Ada: Db ke Eb

Renj, tessitura dan pic

Renj bagi lagu *Lelaki* antara antara pic G3 hingga E5, manakala lagu *Jangan Ganggu Pacarku* pula antara pic F#4 hingga F#5 dan renj bagi lagu *Harus Terpisah* adalah pic Db4 hingga Bb5. Purata pic yang digunakan dalam lagu *Lelaki* adalah D5 manakala lagu *Jangan Ganggu Pacarku* pula menggunakan pic A#4 dan lagu *Harus Terpisah* pula menggunakan pic secara puratanya adalah B4. Antara tiga pic yang sering digunakan dalam lagu *Lelaki* adalah E4 sebanyak 110 kali, D4 sebanyak 91 dan A4 sebanyak 53 kali. Lagu *Jangan Ganggu Pacarku* pula sering menggunakan pic F#4 sebanyak 125 kali, C#5 sebanyak 86 kali dan B4 adalah 59 kali manakala lagu *Harus Terpisah* pula menggunakan pic Eb5 sebanyak 57 kali, Db5 sebanyak 47 kali dan F5 sebanyak 44 kali.

Jeda

Sturman (1994, hal. 10) dan Citron (2008, hal. 149) menyatakan jeda adalah jarak antara dua pic. Citron (2008: 151-154) menyenaraikan jeda yang mempunyai jarak antara dua not satu semiton ialah minor ke-2, dua semiton ialah major ke-2, tiga semiton ialah minor ke-3, empat semiton ialah major ke-3, lima semiton ialah perfek ke-4, enam semiton ialah *augmented* ke-4, tujuh semiton ialah perfek ke-5, lapan semiton ialah minor ke-6, sembilan semiton ialah major ke-6, sepuluh semiton ialah minor ke-7, sebelas semiton ialah major ke-7 dan dua belas semiton ialah oktaf.

Jadual 2 Kekerapan dan keperatusan jumlah jeda mengikut lagu

Jeda	Nama Lagu		
	Lelaki	Jangan Ganggu Pacarku	Harus Terpisah
Unison	41 (12.2%)	113 (36.8%)	40 (14.2%)
Minor Ke-2	25 (7.44%)	24 (7.8%)	47 (16.7%)
Major Ke-2	149 (44.35%)	76 (24.8%)	112 (39.7%)
Minor Ke-3	41 (12.21%)	5 (1.6%)	25 (8.86%)
Major Ke-3	19 (5.65%)	18 (5.9%)	25 (8.86%)
Perfek Ke-4	35 (10.42%)	16 (5.2%)	15 (5.3%)
<i>Augmented</i> Ke- 4	0 (0%)	0 (0%)	1 (0.351%)
Perfek Ke-5	11 (3.27%)	20 (6.5%)	10 (3.51%)
Minor Ke-6	3 (0.88%)	0 (0%)	2 (0.72%)
Major Ke-6	0 (0%)	35 (11.4%)	2 (0.72%)
Minor Ke-7	11 (3.27%)	0 (0%)	0 (0%)
Major Ke-7	0 (0%)	0 (0%)	3 (1.08%)
Oktaf	1 (0.3%)	0 (0%)	0 (0%)
JUMLAH	336	307	282

Lagu *Lelaki* banyak menggunakan jeda Major ke-2 iaitu sebanyak 44.35 peratus (149 kali) manakala jeda unison dan minor ke-3 sebanyak 12.2 peratus (41 kali). Penggunaan jeda yang paling sempit adalah minor ke-2 sebanyak 7.77 peratus (25 kali) manakala jeda yang luas ialah perfek ke-4 sebanyak 10.42 peratus (35 kali), perfek ke-5 sebanyak (3.27 peratus (11 kali), minor ke-6 sebanyak 0.88 peratus (3 kali), minor ke-7 sebanyak 3.27 peratus (11 kali) dan oktaf sebanyak 0.3% (1 kali). Jeda yang kerapkali digunakan dalam melodi lagu *Jangan Ganggu Pacarku* ialah unison iaitu sebanyak 36.8 peratus (113 kali). Jeda paling sempit di dalam melodi lagu *Jangan Ganggu Pacarku* ialah minor ke-2 iaitu sebanyak 7.8 peratus (24 kali) dan jeda paling luas ialah major ke-6 iaitu sebanyak 11.4 peratus (35 kali). Jeda perfek ke-4 digunakan sebanyak 5.9 peratus (16 kali) berbandingkan jeda perfek ke-5 sebanyak 6.5 peratus (20 kali). Lagu *Harus Terpisah* pula menggunakan jeda paling kerap ialah major ke-2 sebanyak 39.7 peratus (112 kali) manakala jeda minor ke-2 sebanyak 16.7 peratus (47 kali). Jeda minor ke-3 dan major ke-4 di dalam lagu ini sebanyak 8.86 peratus (25 kali). Jeda yang jarang dijumpai dalam melodi yang dikaji adalah jeda *augmented* ke-4 menaik pada bar ke-14. Menerusi melodi lagu *Harus Terpisah* jeda *augmented* ke-4 dimainkan sekali saja.

Menurut Citron (2008, hal. 154) menyatakan bahawa jeda ke-2, ke-3, ke-4, ke-5 dan ke-6 mudah dinyanyikan dan hasilnya sangat memuaskan. Jeda secara oktaf menaik memberi lonjakan kepada melodi mana kala oktaf menurun melangkaui kemampuan kebiasaan penyanyi. Jeda seperti ini sangat sukar dan tidak dramatik. Seseorang pencipta lagu perlu tahu tentang karektor sesuatu jeda kerana sesebuah melodi ialah penyambungan bagi setiap jeda yang digunakan. Analisis interval bagi ketiga-tiga melodi lagu di atas adalah dalam lingkungan unison hingga satu oktaf sahaja.

PERGERAKAN MELODI

Sturman (1994) menyatakan bahawa pergerakan melodi sesebuah lagu berlaku secara (1) mendatar, (2) menaik dan menurun secara bertangga, dan (3) menaik dan menurun secara melompat.

Pergerakan melodi secara mendatar

Pergerakan melodi secara mendatar boleh diperhatikan dalam lagu *Lelaki* pada bar ke-77 di dalam rajah di bawah ini:



Rajah 1 Penggerakan melodi mendatar di dalam lagu *Lelaki*

Di dalam melodi lagu *Jangan Ganggu Pacarku* juga menggunakan pergerakan melodi mendatar. Pergerakan tersebut boleh dilihat pada bar ke-10 dan bar ke 14 di dalam rajah di bawah ini:

A

Meng-in - tai la man face book mu Ka rang bu - at ku cem - bu ru

Ba-ru sa - ja eng kau up - date Ra mai le - la - ki ber-ko men Tak se - di - kit yang me - ra - yu

Rajah 2 Pergerakan melodi mendatar di dalam lagu *Jangan Ganggu Pacarku*

Menerusi melodi lagu *Harus Terpisah* juga terdapat pergerakan melodi mendatar seperti yang ditunjukkan pada bar ke-12 di dalam rajah di bawah ini:

12

ja - uh da - ri - mu Da - ri -

Rajah 3 Pergerakan melodi mendatar di dalam lagu *Harus Terpisah*

Pergerakan melodi secara bertangga

Pergerakan melodi secara bertangga sama ada menaik dan menurun boleh dilihat di dalam lagu *Lelaki* pada rajah di bawah ini:

be - ri - kan Se -

Rajah 4 Pergerakan melodi bertangga di dalam lagu *Lelaki*

Pergerakan melodi secara bertangga menaik dan menurun boleh dilihat pada bar ke-35 dalam melodi lagu *Harus Terpisah* seperti dalam rajah di bawah ini:

35

ti un - tuk ku rin - du - kan

Rajah 5 Pergerakan melodi bertangga di dalam lagu *Harus Terpisah*

Melodi lagu *Jangan Ganggu Pacarku* mempunyai pergerakan melodi secara bertangga sama ada menaik dan menurun. Sila lihat dalam rajah di bawah ini:



Rajah 6 Pergerakan melodi bertangga di dalam lagu *Jangan Ganggu Pacarku*

Pergerakan melodi secara melompat

Pergerakan melodi menaik secara melompat boleh diperhatikan di dalam lagu *Lelaki*. Antaranya adalah pada bar ke-19 (menurun secara melompat) dan bar ke-21 (menaik secara melompat). Cuba perhatikan rajah *Lelaki* di bawah ini:

Two musical examples from bar 17 and bar 21. Bar 17 shows a melodic line that goes up by leaps. The lyrics are: Kau fi - kir ku _ a - pa Si - ang ma lam eng - kau yang pu - nya _____. Bar 21 shows another melodic leap upwards. The lyrics are: Kau da - tang dan kau per - gi Kau bu - at a - ku be - gi - ni _____. Oh ____ Le

Rajah 7 Pergerakan melodi melompat di dalam lagu *Lelaki*

Di dalam lagu *Jangan Ganggu Pacarku*, pergerakan melodi secara melompat sama ada menaik atau menurun boleh dilihat pada rajah di bawah ini:

Two musical examples from bar 18 and bar 22. Bar 18 shows a melodic line that goes down by leaps. The lyrics are: Ta - pi ku per - ca - ya ka - mu Kau ju - ga ya - kin kan a - ku Te - tap sa - ja. Bar 22 shows another melodic leap upwards. The lyrics are: a - ku i - ngin bi - ca - ra Ber hen - ti - lah Ra - yu pa - car - ku Ba - wa per - gi _____. The circled notes indicate the leaps.

Rajah 8 Pergerakan melodi melompat di dalam lagu *Jangan Ganggu Pacarku*

Menerusi lagu *Harus Terpisah*, pergerakan melodi secara melompat sama ada menaik atau menurun boleh dilihat pada rajah di bawah ini:



Rajah 9 Pergerakan melodi melompat di dalam lagu *Harus Terpisah*

NADA, METER DAN TEMPO

Ketiga-tiga lagu yang dianalisis menggunakan meter 4/4. Nada dalam lagu *Lelaki* adalah A minor, lagu *Jangan Ganggu Pacarku* adalah B major dan *Harus Terpisah* menggunakan dua nada yang dimainkan secara modulasi iaitu dari Db Major ke Eb Major yang menggunakan teknik modulasi iaitu dari nada Db Major ke Eb Major. Menurut Warburton (1960) modulasi adalah salah satu cara yang paling bermakna untuk mendapatkan kepelbagaiannya dalam sesebuah lagu (hal. 37). Dari segi penggunaan tempo dan rentak, lagu *Lelaki* menggunakan tempo 118 nilai krochet per minit dalam rentas yang divariasikan, lagu *Jangan Ganggu Pacarku* menggunakan tempo 125 nilai krochet per minit berentak riang dan lagu *Harus Terpisah* menggunakan tempo perlahan 70 krochet per minit berentak ballad.

STAIL

Di dalam menyampaikan sesebuah karya sama ada nyanyian ataupun permainan alat muzik, ada dua stail yang selalu diaplikasi dalam ciptaan iaitu melismatik dan silabik.

Melismatik

Citron (2008) menyatakan melismatik ialah stail nyanyian menggunakan satu sukukata dengan banyak not. Melismatik ataupun ornamentasi bertujuan untuk memperindahkannya sesebuah melodi lagu melalui stail yang disampaikan oleh seseorang penyanyi ataupun pemain muzik. Di dalam muzik Melayu Asli stail ini dikenali sebagai “lenggok”, “patah lagu” atau “grenek” (hal. 171).

Di dalam konteks kajian ini, lagu *Lelaki* nyanyian Yuna menggunakan stail nyanyian melismatik iaitu satu suku kata seni kata lagu dengan pandanan

beberapa pic yang dilengkokkan. Stail ini dinyanyikan oleh Yuna pada bar ke-26 hingga bar ke-28 dan bar ke-31 hingga bar ke-32 seperti rajah di bawah ini:

The musical notation shows two staves of music. Staff A (measures 25-28) has lyrics: la - ki, Tak __ gu, na Ku be - ri. Staff B (measures 30-32) has lyrics: kan se - mu, a, Bang - ga kah di - ri -.

Rajah 10 menunjukkan stail melismatik di dalam lagu *Lelaki*

Silabik

Selabik adalah setiap pic yang dinyanyikan mempunyai seni kata lagu. Lagu *Harus Terpisah* dan *Jangan Ganggu Pacarku* menggunakan stail silabik tanpa melismatik. Cuba perhatikan rajah *Harus Terpisah* di bawah ini:

The musical notation shows three staves of music. Staff A (measures 1-7) has lyrics: Sen - di - ri, Sen - di - ri ku di am_, Di-am dan me-re nung Me-re nung-kan ja lan_yang kan mem-ba-wa ku per-gi Per - gi tuk men-ja uh__ Men. Staff B (measures 8-11) has lyrics: ja - uh da - ri - mu Da - ri - mu yang mu-lai ber - hen - ti Ber hen - ti men-co - ba Men-co - ba ber - ta-han. Staff C (measures 12-16) has lyrics: Ber - ta - han un - tuk te - rus ber - sa - ma - ku Ku ber - la - ri__ kau ter - di - am.

Rajah 11 menunjukkan silabik di dalam lagu *Lelaki*

HOOK DAN CATCHY

Ada sesetengah lagu yang sukar mengenal pasti *hook*. Seperti lagu *Harus Terpisah* tidak bergantung harap kepada *hook* tetapi mempunyai konsep yang

sangat baik. Konsep sesebuah lagu boleh dikenalpasti melalui penampilan stail muzik dan seni katanya.

Percaya gak percaya, lagu itu sama sekali gak ada ‘hook-nya’. Sesuatu yang selalu diagung-agungkan oleh orang-orang industri musik, frasa tertentu yang dibuat seenak mungkin dan sesederhana mungkin supaya mudah masuk di kuping pendengar dan langsung bisa diingat, dan itu gak ada sama sekali di lagu *Harus Terpisah*. Tapi pada kenyataannya terbukti tetap bisa masuk di kuping pendengar dan bisa dihafal oleh masyarakat Indonesia. Memang dalam penulisan lagu ini ada satu misi untuk membuktikan dan menyampaikan bahwa *hook* itu bukan segalanya, dan konsep itu sangat penting.

(Sumber: Aldi Nada Permana, pencipta Lagu dan Penulis Seni kata *Harus Terpisah*)

Begitu juga dengan lagu *Lelaki* mempunyai sebuah lagu yang mempunyai konsep yang agak kuat dan tidak mementingkan *hook*. Konsep ini lebih kepada stail dalam muzik dan seni katanya. Lagu *Jangan Ganggu Pacarku* pula mempunyai bahagian-bahagian *hook* dan *catchy*, walaupun penghasilkan seni kata lagu ini mempunyai konsep tersendiri yang menggunakan bahasa pasar atau slanga iaitu campuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Secara umumnya lagu *Lelaki* menggunakan alat muzik gitar *nylon*, lagu *Jangan Ganggu Pacarku* menggunakan gitar dan lagu *Harus Terpisah* menggunakan piano. Selain daripada penggunaan vokal, lagu-lagu tersebut dapat memikat naluri khalayak dengan penggunaan alat muzik seperti gitar, piano dan alat bertali. Selain dinobatkan lagu pop terbaik, Cakra Khan menerusi lagu *Harus Terpisah* juga telah dinobatkan sebagai artis baru terbaik dalam Anugerah Muzik Indonesia (AMI) tahun 2013. Lagu terbaik ini telah diadili oleh pemuzik-pemuzik, penyanyi dan pencipta yang berpengalaman dalam industri muzik Indonesia yang diketuai oleh Tantowi Yahya. Lagu ini juga telah berjaya mendapat lagu Serantau Terbaik, Lagu Indonesia Terbaik dan Vokal Terbaik Artis Lelaki Baru dalam Anugerah Planet Muzik (APM) 2013 di Singapura. Lagu Terbaik dari Singapura telah dimenangi oleh Aliff Satar menerusi lagu *Jangan Ganggu Pacarku*. Lagu *Lelaki* ciptaan sepenuhnya oleh Yunalis Zarai telah berjaya mengondoli Lagu Pop Terbaik dan Lagu Terbaik dalam Anugerah Industri Muzik Malaysia (AIM) 2013.

ASPEK GAYA BAHASA

Untuk memperjelaskan dalam setiap analisa seni kata lagu, teori stilistik oleh Tarigan (2009) digunakan. Beliau memberikan empat perkara utama dalam menganalisa gaya bahasa iaitu (1) Gaya Bahasa Perbandingan, (2) Gaya Bahasa Pertentangan, (3) Gaya Bahasa Pertautan, dan (4) Gaya Bahasa Perulangan. Walaubagaimanapun bukan semua gaya bahasa yang disenaraikan oleh beliau digunakan dalam penulisan seni kata lagu.

Gaya bahasa perbandingan

Gaya bahasa perbandingan yang diutarakan oleh Tarigan (2009, hal. 9) menyenaraikan sepuluh gaya bahasa iaitu (1) perumpamaan/simile, (2) metafora, (3) personifikasi, (4) depersonifikasi, (5) alegori, (6) antitesis, (7) pleonasme/tautologi, (8) perifaris, (9) prolepsis antisipasi, dan (10) koreksio/epanortesis. Di dalam kajian ini, hanya antitesis sahaja digunakan sebagai gaya bahasa perbandingan. Gaya bahasa perbandingan juga dikenali sebagai bahasa konotatif. Ianya berlawanan dengan gaya bahasa denotatif yang mudah difahami. Sebagai contoh dalam lagu *Lelaki* dan *Jangan Ganggu Pacarku* menggunakan bahasa denotatif. Bahasanya senang difahami. Tidak menggunakan bahasa konotatif atau bahasa kiasan dan metafora. Ianya ada sedikit berbeza dengan lagu *Harus Terpisah* yang menggunakan bahasa konotatif. Ada maksud tersirat pada yang tersurat. Cuba perhatikan sebahagian seni kata ini.

*Ku coba meraih mimpi
Kau coba 'tuk hentikan mimpi
Memang kita takkan menyatu*

Antitesis

Keraf (2005, ms. 126) dan Tarigan (2009, ms. 26) menyatakan antitesis adalah gaya bahasa yang mengandungi gagasan-gagasan yang bertentangan dengan mempergunakan perkataan yang berlawanan.

Ku berlari kau terdiam
Ku menangis kau tersenyum
Ku berduka kau bahagia
Ku pergi kau kembali

Dalam ketiga-tiga seni kata lagu yang dianalisis kurang menggunakan gaya bahasa perbandingan seperti metafora, simile, personifikasi dan sebagainya.

Gaya bahasa pertentangan

Gaya bahasa pertentangan yang disarankan oleh Tarigan (1985, hal. 55) menyenaraikan dua puluh gaya bahasa iaitu (1) hiperbola, (2) litotes, (3) ironi, (4) oksimoron, (5) paranomasia, (6) paralipsis, (7) zeugma (silepsis), (8) satire, (9) innuendo, (10) antifrasis, (11) paradoks, (12) klimaks, (13) anti klimaks, (14) apostrof, (15) anastrof, (16) apofasis, (17) hysteron proteron, (18) hipalase, (19) sinisme, dan (20) sarkasme. Tidak semua jenis gaya bahasa pertentangan digunakan dalam seni kata lagu yang dikaji. Jenis-jenis gaya bahasa yang digunakan adalah paradoks, sarkasme dan sinisme.

Paradoks

Menurut Keraf (2005, ms. 136) dan Tarigan (2009, ms. 77) padadoks adalah sejenis gaya bahasa yang mengandungi gaya bahasa pertentangan yang nyata dengan fakta-fakta yang ada. Seni kata lagu *Harus Terpisah* juga menggunakan stail pententangan atau dipanggil paradoks.

*Ku coba meraih mimpi
Kau coba tuk hentikan mimpi
Memang kita takkan menyatu*

Sarkasme

Sarkasme adalah sejenis gaya bahasa yang mengandungi sindiran yang pedas dan menyakiti hati. Ciri utama gaya bahasa ini ialah selalu mengandungi kepahitan dan celaan yang getir, menyakiti hati dan kurang enak didengar (Tarigan, 2009: 92). Cuba lihat sebahagian seni kata dalam lagu ‘Lelaki’ di bawah ini.

*Oh lelaki
Tak guna
Ku berikan semua

Lelaki, Lelaki
Tak guna, Tak guna, Tak guna
Ooooooo*

Sinisme

Sinisme adalah sejenis gaya bahasa yang berupa sindiran berbentuk kesangsian yang mengandungi ejekan terhadap keikhlasan dan ketulusan hati. Ianya lebih rendah sifatnya daripada sarkasme. Cuba lihat dalam seni kata lagu ‘Lelaki’.

*Kau fikir ku apa
Siang malam engkau yang punya
Kau datang dan kau pergi
Kau buat aku begini
....
....*

*Banggakah dirimu
Kekasihmu sahabatku
Rupanya selama ini
Dia menaruh hati*

*Kadang kala aku terfikir
Kau berikannya janji yang sama
Dan kau katakan padaku
Oh sepuluh tahun yang lalu*

Gaya bahasa pertautan

Gaya bahasa pertautan yang dinyatakan oleh Tarigan (2009) mempunyai tiga belas ragam. Ragam-ragam gaya bahasa pertautan adalah (1) metonimia, (2) sinekdoke, (3) alusi, (4) eufemisme, (5) eponym, (6) epitet, (7) antonomasia, (8) erotesis, (9) parallelism, (10) ellipsis, (11) gradasi, (12) asindeton, dan (13) polisindeton. Hanya gaya bahasa parallelism dan erotesis yang terdapat dalam seni kata lagu yang dianalisis.

Parallelism

Menurut Taringan (2009, hal. 131) dan Keraf (2005, hal.126) parallesime adalah gaya bahasa yang berusaha mencapai kesejajaran dalam permakaian kata-kata atau frasa yang mempunyai fungsi yang sama dalam bentuk gramatikal yang sama. Cuba perhatikan di dalam sebahagian seni kata lagu *Jangan Ganggu Pacarku* di bawah ini:

Liking liking poking poking

Tagging tagging flirting flirting

Erotesis

Gaya bahasa erotesis mengikut Tarigan (2009, hal. 130) ialah sejenis gaya bahasa yang berupa pertanyaan yang digunakan penulisan kreatif bagi tujuan untuk mencapai efek yang lebih mendalam dan penekanan yang wajar tanpa mengharapkan jawapan. Gaya bahasa pertautan erotesis di dalam lagu *Lelaki* boleh dilihat dalam keratan seni kata di bawah ini:

*Banggakah dirimu?
Kekasihmu sahabatku
Rupanya selamama ini
Oh sepuluh tahun yang lalu*

Gaya bahasa perulangan

Tarigan (2009, hal. 180) mengatakan gaya bahasa perulangan atau repetisi adalah gaya bahasa yang mengandung perulangan bunyi, suku kata ataupun frasa. Ianya penting untuk memberi tekanan dalam sesebuah konteks yang sesuai. Gaya bahasa perulangan dinyatakan oleh beliau adalah (1) aliterasi, (2) asonansi, (3) antanaklasis, (4) kiasmus, (5) epizeukus, (6) tautores, (7) anafora, (8) epistrofa, (9) simploke, (10) mesodiplosis, (11) epanalepsis, dan (12) anadiplosis. Gaya bahasa perulangan yang terdapat di dalam seni kata-seni kata yang dikaji adalah aliterasi, asonansi, anaphora dan anadiplosis.

Mutia (2003) pula menyatakan bahawa stail perulangan merupakan satu kualiti bunyi yang sangat baik. Penggunaan bahasa yang berulang-ulang bertujuan untuk menimbulkan irama atau susunan muzikal untuk mengindahkan pendengaran terutama sesebuah lagu itu dinyanyikan sama ada perulangan berbentuk samada anafora (epipher) ataupun epifora. Menurut Umar Junus (1989) epifora merupakan perulangan pada awal baris manakala anafora pula perulangan kata dalam baris yang sama. Perulangan kata merupakan perulangan satu atau lebih kata di dalam sesebuah karya sastera sehingga menimbul nilai keindahan. Perulangan itu bukanlah sengaja direka untuk menimbulkan keindahan tetapi merupakan perkembangan semula jadi bahasa itu sendiri yang digunakan dalam pengucapan sehari-hari. Perulangan yang digunakan secara sedar berfungsi untuk tujuan intensiti.

Aliterasi

Unsur bunyi rima akhir, rima awalan dan rima selari mampu memberi kesan bunyi yang baik dalam sebuah lagu. Ada beberapa gaya bahasa retoris yang seringkali digunakan dalam penulisan seni kata lagu. Antaranya adalah gaya bahasa pengulangan aliterasi. Menurut Tarigan (2009, hal. 181), aliterasi adalah sejenis gaya bahasa yang memanfaatkan permakaian kata-kata yang permulaannya sama bunyinya. Ianya semacam gaya bahasa yang wujudnya perulangan konsonan yang sama. Keraf (2005) menggariskan bahawa pengulangan konsonan yang sama bagi tujuan penekanan dan perhiasaan secara horizontal.

Umar Junus (1989) menyatakan aliterasi adalah perulangan konsonan yang sama, biasanya pada awal kata. Fenomena ini banyak terdapat dalam penulisan kreatif seperti sajak, puisi dan senikata lagu. Penggunaan unsur bunyi aliterasi merupakan perulangan bunyi-bunyi konsonan secara horizontal.

Aliterasi bukan sahaja terdapat dalam rima awal. Ia merupakan perulangan bunyi konsonan awal yang sama atau berturut-turut, atau perulangan perkataan atau suku kata yang berhampiran. Perulangan tersebut dalam rentetan kata atau dalam satu-satu baris puisi. Penggunaan kata-kata secara aliterasi ini menambahkan unsur keindahan bunyi dan menimbulkan kuasa yang magik. Sila perhatikan gaya bahasa aliterasi iaitu pengulangan konsonan ‘k’ di dalam lagu *Harus Terpisah* di bawah ini:

*Ku berduka kau bahagia
Ku pergi kau kembali*

Di dalam lagu Lelaki pengulangan konsonan ‘k’ dan ‘h’ boleh dilihat pada frasa-frasa seni kata di bawah ini:

.....
Kekasihmu sahabatku
.....
Dan kau katakan padaku
Oh sepuluh tahun yang lalu

Aliterasi juga boleh dilihat di dalam seni kata lagu *Jangan Ganggu Pacarku* yang tidak menggunakan perkataan yang puitis tetapi menggunakan gaya bahasa aliterasi sehingga mampu menghasilkan unsur-unsur bunyi yang menarik. Cuba lihat pengulangan konsonan ‘ing’ dalam sebahagian seni kata lagu *Jangan Ganggu Pacarku* di bawah ini.

.....
Tagging-tagging flirting-flirting baginya
.....
Liking-liking poking-poking baginya

Asonansi

Gaya bahasa retoris asonansi pula adalah perulangan bunyi vokal yang sama secara horizontal. Menurut Tarigan (2009, hal. 182), asonansi adalah sejenis gaya bahasa repetisi yang berwujud perulangan vokal yang sama. Biasanya digunakan dalam karya-karya bagi tujuan memperoleh kesan penekanan dan menghasilkan estetika. Menurut Umar Junus (1989), asonansi merupakan perulangan vokal dalam menyebut perkataan samada nyanyian, berpuisi dan berhujah. Penggunaan unsur bunyi asonansi merupakan perulangan bunyi-bunyi vokal *a, e, i, o* dan *u* secara horizontal menimbulkan kesan bunyi yang menarik bila dinyanyikan. Cuba perhatikan dalam seni kata lagu *Jangan Ganggu Pacarku* di bawah ini.

.....
Status-status palsumu
.....
Berhentilah rayu pacarku

Perulangan vokal ‘a’ di dalam seni kata lagu ‘Lelaki’ dalam petikan di bawah ini.

*Kau fikir kau siapa
Cinta ini kau buang saja*

*Ku tak perlukan memori
 Dan kau tak perlu kembali*

Perulangan vokal ‘a’ dan ‘u’ di dalam seni kata lagu *Harus Terpisah* dalam petikan di bawah ini.

*Ku berlari kau terdiam
 Ku menangis kau tersenyum
 Ku berduka kau bahagia
*

*Bayangkan ku hilang
 Hilang tak kembali*

Rima

Penggunaan rima akhir vokal (a, e, i, o dan u) ataupun konsonan (selain dari a, e, i, o dan u) yang diulang-ulang seperti dalam lagu *Lelaki* boleh kita lihat pada seni kata di bawah ini.

*Kau fikir kau siapa
 Cinta ini kau buang saja
 Ku tak perlukan memori
 Dan kau tak perlu kembali*

*Kau fikir ku apa
 Siang malam engkau yang punya
 Kau datang dan kau pergi
 Kau buat aku begini*

*Oh lelaki
 Tak guna
 Ku berikan semua*

*Banggakah dirimu
 Kekasihmu sahabatku
 Rupanya selama ini
 Dia menaruh hati*

.....

.....
*Dan kau katakan padaku
 Oh sepuluh tahun yang lalu*

.....

*Ini rupanya kau balas kembali
 Semua yang ku beri
 Tak pernah mencukupi
 Kau bukan lagi yang aku kenali
 Perempuan sepertiku
 Tak ingin bersamamu*

Walaupun seni kata lagu *Lelaki* bersifat skeptikal dan sinikal tetapi masih mampu mengeluarkan bunyi rima akhir setiap frasa dengan baik. Banyak menggunakan kata rima akhiran vokal secara berganda. Sekali sahaja menggunakan rima konsonan.

*Dahulu kau bukan begini
 Kau hancurkan hati
 Ku yakin dahulu kau bukan
 Kau bukan
 Kau bukan*

Cuba perhatikan juga dalam seni kata *Jangan Ganggu Pacarku*. Penggunaan rima vokal u yang berulang kali menghasilkan unsur bunyi yang menarik.

*Berhentilah rayu pacarku
 Bawa pergi pesonamu
 Takkan cukup kata-kata manismu
 Gambar-gambar seksimu*

Anafora

Rahman Saari (1993) dan Keraf (2005) menyatakan anafora merupakan pengulangan kata pertama pada setiap baris atau frasa berikutnya. Sebagai contoh dalam lagu *Harus Terpisah*

*Ku berlari kau terdiam
 Ku menangis kau tersenyum
 Ku berduka kau bahagia
 Ku pergi kau kembali*

Pengulangan dalam lagu *Lelaki*

*Lelaki
 Lelaki
 Tak guna
 Tak guna
 Tak guna*

Anadiplosis

Tarigan (2009, hal. 203) merumuskan anadiplosis adalah sejenis gaya bahasa repetisi di mana perkataan atau frasa terakhir dari suatu klausa atau kalimat menjadi kata atau frasa pertama dari klausa atau kalimat berikutnya. Unsur perulangan yang memberi penegasan dalam lagu boleh diperhatikan dengan stail anadiplosis dalam lagu *Harus Terpisah*. Stail pengulangan ini jarang digunakan dalam seni kata lagu-lagu pop. Ianya menambahkan kekuatan konsep lagu ini. Menurut Keraf (2005), anadiplosis merupakan kata atau frasa terakhir dari suatu klausa menjadi kata atau frasa pertama dalam baris berikutnya. Cuba lihat stail tersebut dalam seni kata lagu *Harus Terpisah*.

Sendiri

Sendiri ku diam

Diam dan merenung

Merenungkan jalan yang kan membawaku pergi

Pergi 'tuk menjauh

Menjauh darimu

Darimu yang mulai berhenti

Berhenti mencoba

Mencoba bertahan

Bertahan untuk terus bersamaku

Bayangkan

Bayangkan kuhilang

Hilang tak kembali

Kembali untuk mempertanyakan lagi cinta

Cintamu yang mungkin

Mungkin tak berarti

Berarti untuk ku rindukan

Kata Slanga

Menurut Keraf (2005) kata slanga merupakan kata-kata percakapan yang tinggi yang digunakan oleh golongan terpelajar atau lapisan masyarakat yang tinggi. Ianya sering dipinjam dari kosa kata yang khusus. Kekuatan bahasa slanga tertumpu kepada unsur bunyi diksi sama ada rima pada pengakhiran setiap frasa, aliterasi dan asonansi. Banyak kata slanga bergerak dari slang menjadi kata umum yang digunakan secara harian. Ianya timbul secara popular dan penggunaannya mengikut musim mengikut arus kemodenan seperti bahasa dalam media sosial yang berasaskan atas talian. Kadang-kadang pengkarya menggunakan kata-kata begini bagi tujuan kelainan dan makna yang khusus yang difahami oleh kelompoknya. Cuba perhatikan dalam seni kata lagu *Jangan Ganggu Pacarku*.

*Memindai laman Facebookmu
Kadang buat ku cemburu
Baru saja engkau update*

.....

Tagging-tagging flirting-flirting baginya

.....

*Takkan cukup email-email indahmu
Status-status palsumu
Liking-liking poking-poking baginya*

KESIMPULAN

Keindahan dan kehalusan seni kata akan menjelaskan unsur bunyi yang indah dan sedap didengar. Kesesuaian seni kata dan melodi mampu menghasilkan satu karya yang hebat yang boleh menakluki jiwa khalayak. Dalam ketiga-ketiga lagu yang dianalisis, gaya bahasa pengulangan banyak digunakan. Ianya sejajar dengan pengulangan bahagian tertentu dalam melodi lagu. Gaya bahasa yang digunakan seperti anadiplosis merupakan salah satu gaya baru dalam seni kata lagu sehingga lagu *Harus Terpisah* dianugerahkan lagu terbaik di dalam Anugerah Muzik Indonesia (AMI) 2013. Ianya sangat menarik dan mempunyai satu konsep yang cukup indah.

Penggunaan bahasa slanga mampu mencuri perhatian pendengar walaupun ianya menyimpang dari segi tatabahasa dan kehalusan bahasa. Lagu *Jangan Ganggu Pacarku* kurang menitik beratkan nilai estetika dari segi unsur kepuitisan. Seni kata lagu ini hanya mempunyai kekuatan dari segi gaya bahasa diksi. Seni kata yang berbentuk denotatif juga senang difahami tanpa perlu memikirkan apa yang tersirat. Begitu juga seni kata lagu *Lelaki* kurang menitik beratkan aspek-aspek keindahan bahasa. Ketiga-tiga lagu yang dikaji juga tidak menggunakan unsur-unsur gaya bahasa perlambangan seperti metafora, simile dan personifikasi. Ini menampakkan sedikit kelompongan dari segi keindahan sesebuah penulisan kreatif. Secara keseluruhan gaya bahasa yang digunakan dalam lagu-lagu yang dikaji adalah aliterasi dan asonansi, penggunaan gaya anadiplosis, eroteis, paralleslism, sinisme, sarkasme, antithesis, paradoks dan anaphora.

Dari segi komposisi lagu pula, lagu-lagu yang berkonsep juga mampu menawan sanubari pendengar. Kemampuan penyanyi yang menyanyi dengan penuh ekspresif mampu menjadikan sesebuah lagu menjadi popular. Jeda yang kerap kali digunakan ialah major ke-2 di dalam lagu *Lelaki* dan *Harus Terpisah* manakala lagu *Jangan Ganggu Pacarku* ialah unison. Pergerakan melodi ketiga-tiga lagu ada yang mendatar, bertangga sama ada menaik ataupun menurun dan melompat sama ada menaik ataupun menurun. Namun begitu lagu yang mempunyai bahagian-bahagian yang *catchy* dan *hook* juga penting untuk menjadi popular dan mudah diingati. Susunan muzik yang menggunakan kaedah modulasi

juga menghasilkan satu hasil komposisi yang menarik. Keupayaan lagu-lagu begini lebih kepada membentuk *sub-liminal*. Kita seakan terngiang-ngiang pada bahagian-bahagian tertentu sehingga terbawa-bawa dalam kehidupan sehari-harian.

RUJUKAN

- Aldi Nada Permana (Penulis Seni Kata), & Aldi Nada Permana (Pencipta Lagu). (2013). *Harus Terpisah*. [Youtube]. Diperoleh 3 November, 2015 daripada <https://www.youtube.com/watch?v=dFdV0OTQg3Q> [24,368,224 views].
- Ali Imron Al Ma'ruf. (2014). *Stilistika: Teori, metode dan aplikasi pengkajian estetika bahasa*. Surakarta: Cakra Books
- Mutia, B. J. (2003). Stylistic patterns in oral literature: The form and structure of Bakweri Dirges. *Nordic*
- Blume, J. (2003). *Inside song writing: Getting to the hearts of creativity*. New York: Billboard Books.
- Braginsky, V. I. (1994). *Erti keindahan dan keindahan erti dalam kesusteraan Melayu klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Butler, P. (2008). *Out of style: Reanimating stylistic study in composing and rhetoric*. Utah: Utah State University Press.
- Citron, S. (2008). *Song writing: A complete guide to the craft*. (2nd Ed). New York, NY: Limelight Editions.
- Cope, D. (2009). *Righting wrongs in writing songs*. Boston, MA: Course Technology.
- Cox, T. (2000). *You can write song lyrics*. Ohio: Writer's Digest Book.
- Davis, S. (1985). *The craft of lyric writing*. Ohio: Writer's Digest Book.
- Davis, S. (1988). *Successful lyric writing*. Ohio: Writer's Digest Book.
- Dhanaraj, R. & Lagon, B. (2005). *Automatic prediction of hit songs*. Queen Mary, London: University of London
- Ermi Adriani M. (2009). *Gaya bahasa dalam seni kata lagu-lagu Ungu: Kajian stilistika*. Diperoleh Disember 19, 2013 daripada <http://gado2indonesia.blogspot.com/2009/04/gaya-bahasa-dalam-lirik-lagu-lagu-ungu.html>
- Hairul Anuar Harun. (2013). *Lirikan lirik*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Hamidah Abdul Hamid. (1995). *Pengantar estetika*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hairul Anuar Harun. (2013). *Lirikan lirik*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Humberstone, J. (2012). *Sibelius 7 music notation essentials*. Boston, MA: Cengage Learning.
- Ini daftar nominasi AMI Award 2013, Diperoleh 17 Ogos, 2014 daripada <http://www.tempo.co/read/news/2013/06/14/112488272/Ini-Daftar-Nominasi-AMI-Awards-2013>
- Josefs, J. (1996). *Writing music for hit songs: Including new songs from the '90s*. (2nd Ed.). New York, NY: Music Sales.
- Keputusan Pemenang Anugerah Industri Muzik Malaysia 2013 (AIM), Diperoleh 17

- Ogos, 2014 daripada <http://akudansesuatuz.blogspot.com/2013/10/keputusan-pemenang-anugerah-planet.html>
- Keputusan Pemenang Anugerah Industri Muzik Malaysia 2013 (AIM), Diperoleh 17 Ogos, 2014 daripada <http://akudansesuatuz.blogspot.com/2013/12/keputusan-pemenang-anugerah-industri.html>
- Keraf, G. (2000). *Diksi dan gaya bahasa, komposisi dan lanjutan 1*. Jakarta: Penerbit GT Gramedia Pustaka Utama.
- Keraf, G. (2002). *Diksi dan gaya bahasa*. Jakarta: Penerbit GT Gramedia Pustaka Utama.
- Keraf, G. (2005). *Diksi dan gaya bahasa*. (Ed. Ke-15). Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Umum.
- Lydon, M. (2004). *Songwriting success: How to write songs for fun and (maybe) profit*. London: Routledge.
- Maniyamin Ibrahim. (2006). *Gaya bahasa kiasan: Penggunaan dan keberkesanannya dalam sajak*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Mack, D. (1995). *Apresiasi musik: Musik popular*. Yogyakarta: Yayasan Pustaka Nusatama.
- Mohd Hafiz Askiak. (2005). Getaran Jiwa: Analisis Melodi. Dalam Awang Azman Awang Pawi & Khor Chooi Lian (Penyunting), *P. Ramlee di Cakera Nusantara*, (hal. 271-286). Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.
- Osborne, H. (1970). *Aesthetic and art theory: An historical introduction*. New York, NY: A Dutton Paperbook.
- Panji Sakti & Panji Sakti. (2013). *Jangan Ganggu Pacarku*. [Youtube]. Diperoleh 3 November, 2015 daripada https://www.youtube.com/results?search_query=aliff+aziz+jangan+ganggu+pacarku+official+video [2,014,245 views].
- Peterik, J., Austin, D., & Bickford, M. E. (2002). *Songwriting for dummies*. New York, NY: Wiley Publishing, Inc. Press.
- Rahmah Bujang. (1991). Estetika drama Melayu kontemporari: Antologi drama 1400. *Jurnal Pengajian Melayu* 3, 112-129.
- Rahman Saari. (1993). *Memahami gaya bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ratna, Nyoman Kutha. (2009). *Stilistika kajian putika bahasa, sastra dan budaya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Rohidi, Tjetjep Rohendi. (2000). *Ekspresi seni orang miskin: Adaptasi simbolik terhadap kemiskinan*. Bandung: Penerbit Nuansa.
- Rookby, R. (2004). *Melody: How to write great tunes*. San Francisco, CA: Backbeat Books.
- Sabirin Ismail & Ostiyono. (1983). *Estetika musik*. Jakarta: Department Pendidikan dan Kebudayaan.
- Sturman, P. (1994). *Harmony, melody and composition*. Cambridge: Cambridge University.
- Suhardi Mukmin (Penyunting)(2008). *Teori dan aplikasi stilistik*. Palembang: Universitas Sriwijaya.
- Suwardi Endraswara. (2013). *Metodologi penelitian sastera: Epistemologi, model, teori dan aplikasi*. Jakarta: P. T. Buku Seru.
- Tarigan, H. G. (2009). *Pengajaran gaya bahasa*. (Edisi Revisi). Bandung: Penerbit Angkasa Bandung.
- Umar Junus. (1989). *Stilistik satu pengantar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Umar Junus. (2010). *Gaya bahasa dalam sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Warburton, A. O. (1960). *Melody writing and analysis* (2nd ed.). Essex: Longman House.
- Yasraf Amir Piliang. (2004). *Dunia yang dilipat: Temasya melampaui batas-batas kebudayaan*. Yogyakarta: Jalasutra.
- Yunalis Zarai & Yunalis Zarai. (2013). *Lelaki*. [Youtube]. Diperoleh 3 November, 2015 daripada <https://www.youtube.com/watch?v=vKt7ppVp5UY>. [843,810 views].
- Zollo, P. (1993). *Beginning songwriter's answer book*. Hollywood, CA: Writer'Digest B.

Biografi

Mohd Azam Sulong lebih dikenali dengan nama Azam Dungun, berkelulusan Sarjana Pendidikan Muzik dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau mempunyai pengalaman sebagai seorang guru Bahasa Melayu dan Pendidikan Muzik sejak tahun 1988 – 1995, Pensyarah Muzik di IPGM Kota Bharu, Kelantan tahun 1995 hingga 2001 dan mulai 2002 hingga kini bertugas di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dalam masa yang sama beliau sangat aktif dalam Industri Muzik dalam bidang penerbitan album komersial, penyusun muzik, pencipta lagu, penulis seni kata dan penyelidik. Telah menerbitkan lebih 6 buah album penyanyi tempatan dan mencipta lagu serta menulis seni kata melebihi 500 buah termasuk lagu korporat. Beliau juga terlibat secara kolaborasi sebagai penerbit, pencipta lagu dan penulis seni kata untuk lagu-lagu korporat seperti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Tekun Nasional, Bekalan Air Perak, Majlis Daerah Tanjong Malim, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) dan sebagainya. Beliau merupakan ahli kepada *Music Authors' Copyright Protection* (MACP), Karyawan Malaysia dan PRISM. Telah melaksanakan lebih 20 aktiviti perundingan dan kursus dengan agensi luar seperti Tentera Lautan Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dalam bidang muzik dan teknologi. Dalam bidang penyelidikan, telah menjalankan lebih daripada sepuluh penyelidikan geran UPSI dan luar serta pernah memenangi Pingat Emas dan Anugerah Utama dalam Expo Penyelidikan dan Inovasi (EKSPIN) di Universiti Pendidikan Sultan Idris menerusi penyelidikan yang bertajuk *Pendigitalan Lagu Gambus Masyarakat Brunei Sabah*. Penyelidikan ini juga mendapat pingat Gangsa dalam pameran hasil penyelidikan di *International Exposition of Research and Invention of Institutions of Higher Learning* (PECIPTA) 2009. Pada tahun 2015, pameran hasil daripada penyelidikan berkumpulan yang bertajuk *Digitalisation of Orang Asli Folktales, Original Music and Sound Design: Sustain and Internationalising the Indigenous Cultures of Malaysia* telah mendapat pingat emas dalam pameran hasil penyelidikan di *International Exposition of Research and Invention of Institutions of Higher Learning* (PECIPTA).

Email : azamdungun@fmsp.upsi.edu.my